

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

21. Adakah pemantauan di peringkat negeri bagi isu kualiti tampalan di jalan raya yang melibatkan pelbagai agensi khususnya akan isu aduan yang diterima dan keselamatan pengguna jalanraya terutama penunggang motorsikal?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pihak berkuasa jalan menjalankan pemantauan di peringkat negeri bagi isu dan aduan berkaitan kualiti tampalan di jalan raya yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal. Bagi pemantauan kualiti tampalan jalan raya di jalan-jalan negeri dan persekutuan, pihak JKR akan mengambil tindakan pembaikan dalam tempoh 24 jam dari masa aduan diterima oleh konsesi Jalan Persekutuan atau JKR daerah. Manakala, pemantauan di peringkat PBT dilaksanakan seperti berikut:-
- (i) Pegawai kawasan memantau jalan-jalan di dalam kawasan secara berkala empat (4) kali setahun;
  - (ii) Kontraktor penyelenggaraan yang dilantik telah disyaratkan mengemukakan laporan pemantauan kawasan secara berkala empat (4) kali setahun;

- (iii) Penugasan pasukan khas menampal jalan 24 jam;
- (iv) Pemantauan melalui aduan orang ramai melalui Sistem Aduan Pintar, Sistem Aduan Kemasyarakatan, Sistem Aduan PINTAS, *whatapps*, JKKK, Wakil Rakyat dan lain-lain; dan
- (v) Memastikan semua bekalan *premix* perlu dibekal melalui loji *premix* yang diiktiraf oleh (JKR) sahaja. Semua isu dan penyelarasan berkaitan kerja raya akan dipantau dan dibincangkan di peringkat negeri melalui Jawatankuasa Kerja Raya & Utiliti yang dipengerusikan oleh EXCO Kerja Raya, Utiliti & Tebatan Banjir untuk tujuan penyelarasan.